

Hasil penyelidikan perlu dihebah kepada masyarakat

Sains dan teknologi (S&T) adalah bidang penting sebagai penanda aras kemajuan sebuah negara sama ada dalam sektor pendidikan, penyelidikan, mahupun industri. Berasaskan kepada kepentingan bidang S&T kepada negara membangun, dapat dilihat peruntukan penyelidikan yang meningkat dari 21 peratus kepada 40 peratus dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Bajet 2016 pula menunjukkan peruntukan tambahan biasiswa sebanyak RM300 juta bagi menggalakkan rakyat Malaysia menjalankan penyelidikan menyambung pengajian peringkat pascasiswazah iaitu Sarjana dan Doktor Falsafah melalui program My-Master dan MyPhD.

Pemberian geran dana penyelidikan kepada penyelidik di Malaysia saban tahun adalah untuk memastikan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) Malaysia mampu bersaing dengan penyelidikan di negara maju.

Geran berkenaan dijadikan dana bagi penyelidik untuk menghasilkan dapatan penyelidikan

yang mampu memberi impak besar kepada masyarakat dari aspek industri, ekonomi, kesihatan dan teknologi. Lebih menarik jika kajian berkenaan bersifat tempatan seperti menggunakan tumbuhan tempatan, hasil buangan kilang tempatan dan juga menghasilkan teknologi atau peranti dari bahan alam semula jadi di negara kita.

Produk kajian boleh dikomersial

Contoh terbaharu adalah penghasilan kapsul antidenggi daripada campuran ekstrak daun betik dan minyak kelapa dara oleh sekumpulan penyelidik di Universiti Teknologi Malaysia. Produk dari kajian ini boleh dikomersialkan dan diguna pakai rakyat. Segala teknologi dihasilkan penyelidik kepada masyarakat juga haruslah bersifat jangka panjang.

Selain itu, dana penyelidikan diperolehi penyelidik tempatan bertanggungjawab dalam menghasilkan modal insan. Ini termasuk usaha kerajaan dalam men-



Kumpulan penyelidik UTM menunjukkan kapsul antidenggi daripada ekstrak daun betik dan minyak kelapa dara.

(FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH)

capai sasaran bagi 60,000 pemegang PhD menjelang 2023.

Acapkali kedengaran pertikaian dalam kalangan masyarakat bahawa mereka tidak nampak ke mana saluran dana penyelidikan itu dan sebahagian mereka berasa ianya membazir duit rakyat. Kata-kata sinis ini kedengaran kerana kurang pendedahan kepada masyarakat mengenai penyelidikan dilakukan.

Ini kelihatan seolah kesan penyelidikan itu tidak sampai dan tidak nampak pada mata masyarakat. Hakikatnya, penyelidikan

dalam bidang baharu dan kritikal di Malaysia seperti tenaga keterbaharuan dan nanoteknologi wujud sekian lama di universiti di Malaysia. Malah prasarana, kemudahan makmal dan beberapa projek jaringan komuniti dan industri juga dijalin.

Paten, lindungi hak cipta

Selain itu, hasil R&D di Malaysia juga diterbitkan di jurnal terkemuka dan dibentangkan di dalam seminar antarabangsa.

Namun, kesalahan tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada

masyarakat. Ianya tanggungjawab penuh seorang penyelidik bagi menghebahkan hasil penyelidikan mereka seperti produk dan penerbitan mereka kepada masyarakat. Bagaimanapun, proses mempaten dan perlindungan hak cipta perlu dilakukan bagi melindungi hak cipta berkenaan.

Penyelidik perlu proaktif dalam menyampaikan kepada masyarakat melalui media sosial mengenai hasil dapatan penyelidikan yang memberi impak pada masyarakat. Penyelidik digalakkan menulis mengenai bidang mereka di dalam penerbitan popular seperti akhbar dan majalah, juga penerbitan bahasa Melayu. Ini juga dilihat sebagai sumbangan S&T kepada bahasa kebangsaan sememula semua penerbitan jurnal bersifat akademik adalah dalam bahasa Inggeris.

Penulisan secara santai ini lebih mudah difahami masyarakat. Ini mampu menimbulkan rasa bertuah rakyat kerana bidang R&D di Malaysia juga tidak kurang hebatnya pada peringkat antarabangsa. Selain itu, ia juga menimbulkan rasa bangga sebagai rakyat Malaysia memiliki saintis yang diiktiraf dan bertaraf dunia.



Dr Suhaila Sepeal,
Bangi, Selangor.